

**DATE:** 31 JULY 2013  
**PUBLICATION:** BERITA HARIAN  
**SECTION:** BUSINESS  
**HEADLINE:** SPAC YAKIN BERI NILAI KEPADA PEMEGANG SAHAM  
**CATEGORY:** COMPANY NEWS  
**MEASUREMENT:** 169 CM<sup>2</sup>

# SPAC yakin beri nilai kepada pemegang saham

**SONA** Petroleum Bhd, syarikat tujuan khas pengambilalihan (SPAC) ketiga yang disenaraikan di Bursa Malaysia yakin mampu memberikan nilai kepada pemegang sahamnya berikutan prospek cerah industri minyak dan gas (O&G).

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Hadian Hashim, berkata ia bersandarkan kepada laporan penyelidikan pasaran bebas yang mengatakan bahawa permintaan kepada tenaga dijangka terus meningkat pada masa akan datang.

Beliau berkata, peningkatan berterusan harga minyak dan gas berikutan pertumbuhan penduduk dan pendapatan dunia juga akan mendorong kepada prospek cerah itu.

Justeru, dibantu barisan pengurusan yang kukuh dan berpengalaman luas

dalam industri O&G dalam mengemudi syarikat itu, beliau yakin syarikat itu mampu memberi pulangan yang baik kepada pelabur.

## **Terima banyak tawaran**

“Kami sudah menerima banyak tawaran untuk mengambilalih syarikat termasuk dari Eropah, namun buat masa ini kami masih dalam proses untuk meneliti semua tawaran itu sebelum dapat membuat keputusan,” katanya pada sidang media selepas penyenaian saham Sona Petroleum di Bursa Malaysia, semalam.

Yang hadir sama ialah Pengerusi Eksekutif Bukan Bebas Sona Petroleum, Andreas Johannes Raymond van Strijp.

Saham Sona Petroleum mencatatkan diskaun 1.5 sen apabila dibuka pada

RM0.41, semalam berbanding harga muktamad tawaran awam permulaannya (IPO) pada RM0.425 dengan menyaksikan sejumlah 6.78 juta sahamnya bertukar tangan.

Semasa penutup jam 5 petang, sahamnya yang diniagakan menggunakan kod SONA bagaimanapun meningkat kepada RM0.445 atau kenaikan 4.71 peratus dengan kira-kira 4.014 juta sahamnya bertukar tangan, menjadikannya saham paling aktif semalam.

Waran yang diberikan percuma pada asas 1:1 turut mencatat prestasi lebih baik apabila ia ditutup pada harga 26 sen berbanding harga rujukan 7.5 sen, membolehkannya meraih premium 18.5 sen dengan kira-kira 6.925 unit bertukar tangan.